

BEAVATE CREAM

Betamethasone 17 Valerate (0.1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Beavate
2. Bagaimana Beavate berfungsi
3. Sebelum menggunakan Beavate
4. Cara menggunakan Beavate
5. Semasa menggunakan Beavate
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Beavate
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Beavate

Beavate digunakan untuk merawat sesetengah masalah dan inflamasi kulit seperti dermatitis ringan ke sederhana, pruritus, psoriasis dan xerosis fasa keradangan.

Hubungi doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan mengapa ubat ini dipreskripsikan untuk anda. Doktor anda mungkin telah mempreskripsikan ubat ini atas sebab-sebab lain.

Bagaimana Beavate berfungsi

Beavate mengandungi bahan aktif yang dinamakan betamethasone valerate.

Betamethasone tergolong di dalam kumpulan ubat yang dinamakan steroid. Ia membantu mengurangkan bengkak dan keradangan.

Sebelum menggunakan Beavate

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap betamethasone atau sebarang bahan kandungannya yang disenaraikan di akhir risalah ini.

Jangan menggunakan ubat ini jika anda mempunyai jangkitan kulit, jerawat, keradangan kulit di sekeliling mulut, dan penipisan kulit.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum menggunakan Beavate

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Wanita mengandung, ibu yang menyusukan anak, kanak-kanak dan orang tua harus menggunakan ubat ini dengan hati-hati.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain termasuk yang boleh diperolehi tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat boleh bertindak balas dengan Beavate. Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau perlu dielakkan ketika menggunakan Beavate.

Cara menggunakan Beavate

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa:

Sapu dalam lapisan yang nipis pada tempat yang berkenaan satu hingga tiga kali sehari.

Kanak-kanak:

Sapu dalam lapisan yang nipis pada tempat yang berkenaan satu kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Guna Beavate seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Terus menggunakan ubat ini selagi diarahkan oleh doktor anda.

Hubungi doktor atau ahli farmasi anda jika keadaan anda tidak beransur baik.

- Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda terlupa menggunakan Beavate, sapu ubat ini sebaik sahaja anda teringat.

- Jika mengguna berlebihan (terlebi dos)

Jika anda banyak menggunakan ubat ini atau berterusan, kurangkan penggunaannya secara perlahan untuk mengelak ia

kembali dan menjadi lebih teruk.

Hentikan penggunaan Beavate jika kerengsaan atau sensitiviti berlaku.

Semasa menggunakan Beavate

- Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau menyusukan bayi.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri Beavate kepada orang lain walaupun keadaan mereka sama seperti anda.

Jangan guna Beavate untuk merawat masalah lain kecuali atas arahan doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan terkena pada mata.

Balutan tertutup pada tempat yang berkenaan hanya dibenarkan jika diarahkan oleh doktor anda.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan penggunaan ubat ini.

Krim Beavate boleh menyebabkan kesan sampingan seperti

- tindak balas kulit alergi di mana krim disapukan
- keradangan folikel rambut
- jangkitan pada folikel rambut

- pembentukan lepuh atau nanah
- kepekaan berlebihan yang tidak normal.
- kebas di jari
- ruam bintik ungu pada kulit disebabkan oleh pendarahan dalaman dari salur darah.
- atrofi kulit (kulit menjadi nipis dan senang cedera)
- jangkitan kulit sekunder
- lapisan epidermis mengelupas
- telangiectasia (pembangunan salur darah kelihatan pada permukaan kulit)

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Beavate

- Penyimpanan

Simpan ubat anda di tempat kering pada suhu di bawah 30°C.

Jangan menyimpan Beavate atau sebarang ubat lain di dalam bilik air atau berdekatan sinki.

Jangan tinggalkannya di dalam kereta atau atas unjuran tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat.

Jauhkan ubat daripada capaian kanak-kanak.

Simpan ubat di dalam almari berkunci yang terletak sekurang-kurangnya satu setengah meter tinggi.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti menggunakan Beavate, atau sudah tamat tarikh luputnya, hubungi ahli farmasi anda untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan terhadap baki tersebut.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Krim berwarna putih.

- Bahan-bahan kandungan
Bahan aktif:

Betamethasone 17 valerate bersamaan dengan betamethasone 0.1% w/w.

Bahan tidak aktif:

- Liquid paraffin
- Methylparaben,
- propylparaben,
- propylene glycol
- purified water
- emulsifying wax
- white soft paraffin

- Nombor MAL
MAL19860150AZ

Pengilang

Upha Pharmaceuticals Mfg. (M) Sdn Bhd (53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

Pemegang Pendaftaran Produk

Upha Pharmaceuticals Mfg. (M) Sdn Bhd (53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

Tarikh kemaskini RIMUP
28/01/2016

Nombor siri:
BPFK(R4/1)301015/00390